

PEMBELAJARAN DALAM KURSUS INDUKSI INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA: SEJAUH MANAKAH MEDIUM PEMBELAJARAN SEDIADA BERKESAN TERHADAP PEKERJA ASING?

Nurul Azita Salleh¹

¹*Universiti Utara Malaysia, azyta@uum.edu.my*

ABSTAK

Pembelajaran merupakan proses dalaman bagi menghasilkan suatu perubahan tingkah laku yang agak kekal bagi pemerolehan pengetahuan. Dalam industri pembinaan, pembelajaran di kalangan setiap pekerja terutamanya pekerja asing dilaksanakan melalui Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan (KIKK) iaitu bertujuan bagi menjamin keselamatan diri ketika bekerja di tapak bina. Kursus ini dilihat mempunyai ciri-ciri pembelajaran bukan formal dan pembelajaran dewasa dengan sokongan medium pembelajaran atau penyampaian maklumat. Justeru, kertas ini akan membincangkan mengenai sejauh mana keberkesanan penggunaan kaedah pembelajaran menggunakan medium pembelajaran sedia ada terhadap pekerja asing di dalam kursus. Pelaksanaan kajian ini dilakukan secara kaedah kuantitatif dengan pemilihan sampel secara pensampelan mudah. Hasil kajian mendapati tahap keberkesanan medium pembelajaran sedia ada yang digunakan tidak membantu pekerja asing dalam mengetahui serta memahami mengenai kesan tidak menggunakan kelengkapan pelindung diri. Namun begitu, hanya pelindung kepala, pelindung kaki dan pelindung tangan sahaja menunjukkan tahap kebolehbantuan yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung diri yang lain.

Kata Kunci: Pembelajaran, medium pembelajaran, pekerja asing, kursus induksi, industri pembinaan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sememangnya, pembelajaran adalah merupakan suatu perubahan tingkah laku yang agak tetap dan berlaku daripada pengalaman atau latihan yang diteguhkan (Ee, 1990). Malah, ahli kognitif turut menakrifkan pembelajaran ini sebagai proses dalaman bagi menghasilkan suatu perubahan tingkah laku yang agak kekal (Baharom & Iliyas, 2010) bagi pemerolehan pengetahuan (Galbraith & Fouch, 2007). Pandangan ahli behavioris juga dilihat memberikan takrifan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku dalam bertindak pada sesuatu keadaan. Walau bagaimanapun, pandangan ahli psikologi humanisme terhadap takrifan pembelajaran ini adalah agak berbeza di mana menganggap pembelajaran ini adalah sebagai suatu proses yang dapat membantu untuk mencapai kesempurnaan sendiri dan nilai bagi individu (Baharom & Iliyas, 2010). Justeru, kaedah pembelajaran yang digunakan perlulah tepat dan berkesan bagi meningkatkan tahap kefahaman sekaligus mencapai objektif pembelajaran sebenar (Nurul Azita, 2014).

Namun, dalam melaksanakan sesuatu kaedah pembelajaran ini, situasi, kriteria dan tahap kemampuan individu yang terlibat dari segi penguasaan bahasa, penulisan dan

pembacaan perlu dikenalpasti terlebih dahulu agar kaedah yang digunakan tepat dan berkesan. Dalam industri pembinaan Malaysia, kaedah pembelajaran ini turut diterapkan melalui penyampaian maklumat keselamatan pekerjaan di kalangan pekerja di dalam Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan (KIKK) sebelum memasuki dan memulakan kerja di tapak bina. Kursus ini merupakan pelaksanaan awal mengenai aspek keselamatan dan kesihatan terhadap pekerja yang bekerja dalam industri pembinaan samada secara langsung atau tidak langsung di tapak bina. Dalam pada itu, KIKK ini turut dilihat mempunyai ciri-ciri pembelajaran bukan formal serta pembelajaran dewasa.

Pembelajaran bukan formal merupakan suatu bentuk pembelajaran sampingan serta bertujuan untuk menambah dan melengkapkan lagi pembelajaran formal (Chow, 2010). Menurut Baharom dan Iliyas (2010), pembelajaran bukan formal ini adalah bercorak praktikal dengan mempunyai susunan program yang teratur dan sistematik bagi memenuhi keperluan golongan sasaran serta diadakan apabila wujudnya keperluan untuk mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran di samping penerokaan ilmu yang mendalam serta mencapai tahap keprofesionalan dalam bidang tertentu. Justeru, di dalam industri pembinaan, KIKK yang dilaksanakan tidak kurang dari 6 jam dengan modul yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ini bertindak menyampaikan maklumat serta penerokaan ilmu secara mendalam tentang aspek keselamatan dan kesihatan oleh pekerja binaan yang akan memasuki tapak bina agar mengetahui bahaya-bahaya serta langkah kerja selamat semasa bekerja di kawasan bahaya di tapak bina. Selain itu, kursus ini turut bertindak meningkatkan kepakaran dan kemahiran pekerja binaan dalam menggunakan kelengkapan pelindung diri serta kaedah pelaksanaan kerja-kerja selamat di tapak bina (Nurul Azita, 2014).

Manakala, pembelajaran dewasa pula adalah melibatkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pekerjaan seperti kelas, latihan atau seminar yang disediakan oleh majikan (Mohd Azhar, Paimah, Muhamed Fauzi & Mohd Nasir, 2004). Menurut Hava dan Erturgut (2010), pembelajaran dewasa adalah dihadiri oleh orang dewasa yang matang dari segi pemikiran dan tindakan serta terdiri dari individu yang melaksanakan peranannya dalam kehidupan orang dewasa seperti sebagai pekerja dan sebagainya serta individu yang bertanggungjawab terhadap kemajuan kehidupannya bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta kelayakan teknikal dan profesional dalam bidang yang diceburi serta kehidupan seharian. Lazimnya, pembelajaran dewasa ini lebih tertumpu kepada konsep pembelajaran aktif yang mana lebih menumpukan kepada pemusatan masalah yang berkait dengan situasi kehidupan dan pekerjaan sebenar. Penglibatan aktif orang dewasa yang terlibat dalam pembelajaran ini adalah perlu melaksanakan kaedah perbincangan serta menyelesaikan masalah menggunakan pengalaman sedia ada sebagai sumber pembelajaran bagi menghasilkan satu bentuk pengetahuan baru. Kerjasama dalam menyelesaikan masalah di antara ahli kumpulan (koperatif) serta antara kumpulan (kolaboratif) adalah turut ditekankan dalam pembelajaran dewasa bagi mencapai keberkesanan pembelajaran dewasa itu sendiri (Azizul Rahman & Mohamad Saleeh 2010). Justeru, KIKK ini bertindak meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja dalam pembinaan melalui penglibatan aktif pekerja di dalam kursus (Nurul Azita, 2014).

Namun walau bagaimanapun, rata-rata kajian sebelum ini kurang membincangkan mengenai sejauh mana pembelajaran di dalam KIKK yang dilaksanakan berkesan terhadap pekerja asing. Oleh itu, kertas ini membincangkan mengenai keberkesanan kaedah pembelajaran yang dilaksanakan terhadap pekerja asing melalui medium pembelajaran sedia ada (Power Point & bahan cetakan) yang digunakan di dalam kursus.

METODOLOGI DAN SAMPEL KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kuantitatif (Creswell & Clark, 2011) iaitu bagi menilai keberkesanan penggunaan kaedah pembelajaran menggunakan medium pembelajaran sedia ada terhadap pekerja asing di dalam kursus. Sebanyak 40 sampel pekerja asing diperolehi berdasarkan kategori sebagai pekerja binaan am yang ditentukan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Sampel telah dipilih secara persampelan mudah (*convenience sampling*) di mana sampel mudah diperolehi dan diakses dari tempat yang dijangkakan dapat memberikan maklumat (Saunders, Lewis & Thornhill, 2012) tanpa mengetahui jumlah sebenar populasi berdasarkan populasi pekerja asing yang bekerja di Malaysia tidak direkodkan dan diketahui jumlahnya pada setiap negeri memandangkan sampel yang sering berpindah mengikut lokasi tapak bina.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan bagi ciri pembelajaran yang dilaksanakan terhadap pekerja asing di dalam kursus, maka satu penilaian telah dibuat bagi melihat keberkesanan kaedah pembelajaran menggunakan medium pembelajaran sedia ada terhadap kelengkapan pelindung diri di dalam kursus. Justeru, analisis min telah dijalankan dan jadual digunakan bagi memaparkan tahap kesetujuan responden bagi setiap aspek yang diuji.

Kesan Tidak Menggunakan Kelengkapan Pelindung Diri

Kajian menilai mengenai keberkesanan kaedah pembelajaran menggunakan medium pembelajaran sedia ada dari segi mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan kelengkapan pelindung diri. Hasil keputusan menunjukkan bahawa medium pembelajaran sedia ada yang digunakan tidak membantu pekerja asing dalam mengetahui serta memahami mengenai kesan buruk tidak menggunakan kelengkapan pelindung diri. Namun begitu, hanya pelindung kepala, pelindung kaki dan pelindung tangan sahaja menunjukkan tahap kebolehbantuan dan keberkesanan yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung diri yang lain. Jadual di bawah menunjukkan perincian peratusan hasil kebolehbantuan dan keberkesanan medium bagi kesan tidak menggunakan setiap kelengkapan pelindung diri oleh pekerja asing.

Jadual 1. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Pelindung Kepala Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|-------|------|----|----|-----|
| Frekuensi | 0 | 29 | 0 | 10 | 1 |
| Peratus | 0 | 72.5 | 0 | 25 | 2.5 |
| Nilai-p (Binomial) | 0.006 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung kepala oleh pekerja asing di tapak bina adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 1. Nilai p ujian binomial ($p = 0.006$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan minoriti responden yang bersetuju (27.5%) bahawa medium

pembelajaran sedia ada dapat membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan pelindung kepala kepada pekerja asing. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung kepala adalah berada pada tahap yang sederhana rendah.

Jadual 2. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Pelindung Kaki Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|-------|----|----|----|-----|
| Frekuensi | 1 | 30 | 0 | 8 | 1 |
| Peratus | 2.5 | 75 | 0 | 20 | 2.5 |
| Nilai-p (Binomial) | 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 2 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung kaki oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p = 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan bahawa minoriti responden adalah bersetuju (27.5%) medium pembelajaran sediada dapat membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan pelindung kaki semasa bekerja di tapak bina. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung kaki adalah berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 3. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Jaket Keselamatan Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|---------|------|----|-----|----|
| Frekuensi | 10 | 27 | 0 | 3 | 0 |
| Peratus | 25 | 67.5 | 0 | 7.5 | 0 |
| Nilai-p (Binomial) | < 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 3 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan jaket keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Hasil kajian menunjukkan hanya segelintir kecil responden sahaja yang bersetuju (7.5%) bahawa medium pembelajaran sediada ini membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan jaket keselamatan di tapak bina. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan jaket keselamatan adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 4. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Pelindung Telinga Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|---------|----|----|-----|----|
| Frekuensi | 7 | 30 | 0 | 3 | 0 |
| Peratus | 17.5 | 75 | 0 | 7.5 | 0 |
| Nilai-p (Binomial) | < 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Seterusnya, Jadual 4 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung telinga oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan hanya segelintir kecil responden yang bersetuju (7.5%) bahawa medium pembelajaran sediada dapat membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan pelindung telinga semasa bekerja di tapak bina. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung telinga adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 5. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Pelindung Muka Dan Mata Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|---------|----|-----|---|----|
| Frekuensi | 5 | 32 | 1 | 2 | 0 |
| Peratus | 12.5 | 80 | 2.5 | 5 | 0 |
| Nilai-p (Binomial) | < 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung muka dan mata oleh pekerja asing di tapak bina adalah ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan hanya segelintir kecil responden sahaja yang bersetuju (5%) bahawa medium pembelajaran sediada dapat membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan pelindung muka dan mata. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung muka dan mata ini berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 6. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan

Tali Pinggang Keselamatan Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|---------|----|----|------|----|
| Frekuensi | 7 | 28 | 0 | 5 | 0 |
| Peratus | 17.5 | 70 | 0 | 12.5 | 0 |
| Nilai-p (Binomial) | < 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan tali pinggang keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina pula ditunjukkan seperti dalam Jadual 6. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan kebanyakan responden tidak bersetuju (87.5%) bahawa medium pembelajaran sediada membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan tali pinggang keselamatan. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan kefahaman terhadap medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan tali pinggang keselamatan adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 7. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Pelindung Tangan Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--------------------|---------|------|----|----|----|
| Frekuensi | 1 | 31 | 0 | 8 | 0 |
| Peratus | 2.5 | 77.5 | 0 | 20 | 0 |
| Nilai-p (Binomial) | < 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Manakala, Jadual 7 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung tangan oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan hanya segelintir kecil responden bersetuju (20%) bahawa medium pembelajaran sediada membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan pelindung tangan semasa bekerja di tapak bina. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan kefahaman terhadap medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung tangan ini adalah berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 8. Kebolehbantuan Mengetahui Mengenai Kesan Tidak Menggunakan Pelindung Pernafasan Melalui Medium Pembelajaran Sediada

| | STS | TS | TP | S | SS |
|--|-----|----|----|---|----|
|--|-----|----|----|---|----|

| | | | | | |
|--------------------|---------|----|---|-----|---|
| Frekuensi | 1 | 36 | 0 | 3 | 0 |
| Peratus | 2.5 | 90 | 0 | 7.5 | 0 |
| Nilai-p (Binomial) | < 0.001 | | | | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Akhir sekali, Jadual 8 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung pernafasan oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan hanya segelintir kecil responden sahaja yang bersetuju (7.5%) bahawa medium pembelajaran sediada membantu untuk mengetahui mengenai kesan tidak menggunakan pelindung pernafasan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kebolehbantuan medium pembelajaran sediada mengenai kesan tidak menggunakan pelindung pernafasan ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya memperlihatkan bahawa kaedah pembelajaran menggunakan medium pembelajaran sediada yang digunakan di dalam kursus ini dilihat tidak membantu pekerja asing dalam mengetahui serta memahami mengenai kesan tidak menggunakan kelengkapan pelindung diri. Namun begitu, hanya pelindung kepala, pelindung kaki dan pelindung tangan sahaja menunjukkan tahap kebolehbantuan yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung diri yang lain.

Hal ini menunjukkan walaupun konsep pembelajaran dewasa diaplikasikan dalam KIKK, namun ianya masih belum mencapai tahap yang sepatutnya terhadap pekerja asing. Ini kerana di dapati masalah bahasa menjadi faktor aplikasi pembelajaran dewasa ini tidak berkesan apabila kebanyakan tenaga pengajar kursus menggunakan ahasa Melayu secara lisan serta pada medium penyampaian maklumat dan tidak bersifat interaktif (Nurul Azita, Kamal, Mohd Nasrun, Muhammad Nazrin Shah & Suzana, 2015). Faktor ini telah menyukarkan pekerja asing terutamanya yang bukan warganegara Indonesia untuk mempelajari dan memahami maklumat yang disampaikan. Malah, pembelajaran aktif di kalangan pekerja asing juga sukar dilaksanakan kerana masalah bahasa (Ananthan, 2014; Bust, Gibb & Pink, 2008) memandangkan interaksi pekerja asing dengan pekerja tempatan yang lain serta tenaga pengajar amat terhad dengan menggunakan bahasa isyarat. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi kajian yang telah dilaksanakan oleh Nurul Azita, Norazah dan Abdul Khalim (2012b) di mana sebanyak 43.1% (44) pekerja binaan warga Myanmar tidak memahami maklumat yang disampaikan dalam bahasa Melayu secara lisan serta 55.88% (57) daripadanya pula tidak memahami maklumat yang disampaikan dalam bahasa Melayu secara bertulis. Malah, kajian Trajkovski dan Loosemore dalam industri pembinaan di Australia juga mendedahkan bahawa faktor bahasa telah menyumbang kepada kadar kemalangan yang tinggi kepada 85.7% pekerja asing kerana menggunakan bahasa selain dari bahasa Inggeris di tempat kerja. Justeru, keupayaan medium yang lebih berinteraktif serta menarik dengan pelbagai elemen gambar, audio dan animasi adalah dapat memberikan kesan yang lebih optimum dalam sesuatu pembelajaran di kalangan pelajar (Norazlin, Ibrahim, Mohd Hafiz, Muhammad Haziq, Farah Nadia, Sharul Badariah, Rusnida, Noraksiken & Faaizah, 2007).

Di samping, kursus ini juga melaksanakan pengajaran secara kaedah kuliah iaitu secara komunikasi sehalu oleh tenaga pengajar bagi menyampaikan maklumat kepada pekerja. Menurut Price, Wills, Dror, Cherrett dan Maynard (2008), kursus-kursus yang melibatkan kaedah ini kerap gagal dalam menguruskan perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Namun, gabungan kaedah kuliah dengan kaedah-kaedah lain seperti kaedah perbincangan serta main peranan dikatakan lebih efektif dalam pembelajaran dewasa berbanding hanya melaksanakan kaedah kuliah sahaja (Robotham, 2001). Melalui pembelajaran ini, pelajar tidak hanya bertindak sebagai pendengar atau penonton tetapi akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran seperti berbincang dengan rakan atau ahli kumpulan bagi menyelesaikan masalah daripada tugas yang diberikan (Esah, 2004). Maka dengan itu, Johnson dan Johnson (1999) menyatakan bahawa penglibatan strategi pembelajaran koperatif serta aktif adalah dapat menggalakkan interaksi serta kerjasama di antara pelajar iaitu daripada aktiviti yang diberikan sekaligus memberikan pengalaman baru yang lebih mendalam serta menjana aras pemikiran pelajar yang tinggi (Nurul Azita, 2014).

KESIMPULAN

Kajian melihat bahawa Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan ini adalah mempunyai ciri-ciri pembelajaran berasaskan bukan formal dan pembelajaran dewasa yang berkonsepkan pembelajaran aktif bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran pekerja binaan dalam menggunakan kelengkapan pelindung diri serta kaedah pelaksanaan kerja-kerja selamat di tapak bina. Namun, ciri-ciri pembelajaran secara aktif ini sukar dilaksanakan dengan berkesan di kalangan pekerja asing atas faktor masalah bahasa. Hal ini adalah kerana kebanyakan tenaga pengajar kursus ini melaksanakan pengajaran mereka secara komunikasi sehalu bagi kaedah pembelajaran secara kuliah serta menggunakan medium pembelajaran yang kurang interaktif dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa kaedah pembelajaran menggunakan medium pembelajaran sediaada di dalam kursus ini tidak membantu pekerja asing dalam mengetahui serta memahami aspek keselamatan mengenai kesan tidak menggunakan kelengkapan pelindung diri.

PENGHARGAAN

Penulis kertas ini ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Universiti Kebangsaan Malaysia, pakar dan semua responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ananthan Valitherm. (2014). Communication barrier in Malaysia construction sites. *International Journal of Education and Research* 2(1): 1-10.
- Azizul Rahman Abdul Rahman, & Mohamad Saleeh Rahamad (pngr.). 2010. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Baharom Mohamad, & Iliyas Hashim. (2010). *Gaya Pengajaran dan Pembelajaran*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bust, P.D., Gibb, A.G.F., & Pink, S. (2008). Managing construction health and safety: migrant workers and communicating safety messages. *Safety Science* 46: 585-602.
- Chow, P.C. (2010). Analisis terhadap pengalaman pembelajaran yang membabitkan perubahan tingkah laku. Dlm. Tan Ai Mei (pnys.). *Panduan Kerja Kursus Ilmu Pendidikan: Idea, Contoh dan Aplikasi Teori*, hlm. 28-36. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.

- Creswell, J.W., & Plano Clark, V.L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research*. 2nd Ed. New York: Sage Publications, Inc.
- Ee Ah Meng. (1990). *Pedagogi: Satu Pengenalan*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Galbraith, D.D., & Fouch, S.E. (2007). Principles of adult learning: application to safety training. *Professional Safety* 52(9): 35-40.
- Hava, H.T., & Ertugut, R. (2010). Function of planning in adult education. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 2: 3324-3328.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1999). *Learning Together and Alone: Cooperative, Competitive and Individualistic Learning*. Edisi ke-5. Allyn and Bacon, Needham Heights, Massachusetts.
- Mohd Azhar Abdul Hamid, Paimah Atoma, Muhamed Fauzi Othman, & Mohd Nasir Markom. (2004). *Andragogi: Mengajar Orang Dewasa Belajar*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, Mohd Hafiz Zakaria, Muhammad Haziq Lim Abdullah, Farah Nadia Azman, Sharul Badariah Mat Sah, Rusnida Romli, Noraksiken Bakar, & Faaizah Shabodin. (2007). *Sistem Multimedia*. Batu Caves: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Nurul Azita Salleh. (2014). *Pembangunan Perisian Multimedia Dwibahasa (IM-SmartSAFETY) untuk Pekerja Asing bagi Kursus Keselamatan Industri Pembinaan Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Azita Salleh, Kamal Ab Hamid, Mohd Nasrun Mohd Naw, Muhammad Nazrin Shah Zakaria, & Suzana Abd Mutalib. (2015). Medium penyampaian maklumat sedia ada bagi pekerja asing dalam kursus keselamatan industri pembinaan Malaysia: satu perbincangan. *Journal of Occupational Safety and Health* 12(1): 85-90.
- Nurul Azita Salleh, Norazah Mohd Nordin, & Abdul Khalim Abdul Rashid. (2012b). Bilingual multimedia software development concept (IM-SmartSAFETY) as an alternative media for presenting information to foreign workers during safety course in the Malaysian construction industry. *International Journal of Business and Social Science* 3 (20): 190-197.
- Price, J., Wills, G., Dror, I.E., Cherrett, T., & Maynard, S. (2008). Risk assessment education: utilizing interactive video for teaching health and safety. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Ke-8 Advanced Learning Technologies 2008*, 727-729.
- Robotham, G. (2001). Safety training that works. *Professional Safety* 46(5): 33-37.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2012). *Research methods for business students*. 6th Edition, Pearson Education Limited.